



ADA Australia

Your aged and disability advocates

Perkhidmatan sokongan penjagaan warga emas

Percuma dan sulit,
Sisi anda, suara anda

(Malay/Bahasa Melayu)



- Adakah anda warga emas dan memerlukan sebarang bantuan di rumah?
- Tahukah anda tentang perkhidmatan penjagaan warga emas yang tersedia untuk membantu golongan warga emas?
- Adakah anda memerlukan bantuan untuk menggunakan perkhidmatan penjagaan warga emas?
- Adakah anda sedang menghadapi masalah dengan sebarang perkhidmatan penjagaan warga emas yang sedang anda gunakan?

Warga emas di Australia berhak memanfaatkan perkhidmatan dan sokongan penjagaan warga emas. Ada beberapa cara untuk anda memperoleh sokongan. Anda mungkin boleh memanfaatkan:

- perkhidmatan penjagaan warga emas yang menyokong anda di rumah untuk membantu anda hidup berdikari
- penjagaan jangka pendek yang membantu anda pulih setelah cedera atau jatuh sakit
- penempatan di rumah orang tua apabila anda tidak lagi berupaya tinggal di rumah.

Bagaimana boleh kami membantu?

ADA Australia menyediakan pembantu untuk membantu anda:

- menentukan perkhidmatan yang tersedia
- memanfaatkan perkhidmatan penjagaan dan sokongan
- memperoleh sebanyak mungkin faedah daripada perkhidmatan penjagaan warga emas untuk anda
- memahami kos dan biaya penjagaan warga emas
- menyelesaikan masalah atau aduan tentang perkhidmatan penjagaan warga emas untuk anda
- memahami hak-hak anda dan memastikan anda dihormati dan diperlakukan dengan adil
- menyuarakan pendapat mengenai penjagaan anda dan perkara-perkara yang menjejaskan diri anda.

Apakah pembelaan?

Pembantu memberi sokongan untuk menyatakan kehendak anda dan bersuara untuk -hak dan keperluan anda. Setiap orang pembantu dari ADA Australia ialah seorang yang adil yang dapat memahami situasi anda dan membantu anda menyelesaikan sebarang masalah.

Setiap orang pembantu memihak pada anda dan akan didorong oleh kehendak anda. Yang penting, mereka akan melindungi privasi anda dan tidak akan bercakap dengan sesiapa pun tanpa kebenaran anda.

Perkhidmatan kami adalah:

- Percuma, Sulit, Bebas
- Didorong oleh anda

Hubungilah kami
1800 700 600



Jika anda memerlukan jurubahasa,
sila telefon 131 450

e: info@adaaustralia.com.au

j: www.adaaustralia.com.au



ADA Australia mengakui Penjaga Tradisional tanah ini dan mengungkapkan rasa hormat kepada Ketua yang lepas, semasa dan akan datang

